

17 MAR 1996

Akuarium

UNDERWATER WORLD LANGKAWI: TARIKAN TERBARU DI LANGKAWI

Oleh: Zuhrin Ahmad

LANGKAWI, 17 Mac (Bernama) -- "Underwater World Langkawi" yang mempamerkan pelbagai jenis kehidupan laut dan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa ini akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong di pulau peranginan bebas cukai ini.

Terletak di kawasan seluas 2.5ha di Pantai Cenang, 20km dari Kuah, ia adalah sebahagian daripada projek pelancongan bersepadu yang dibangunkan oleh syarikat Eden Enterprises (M) Bhd, anak syarikat Sriwani Holdings Bhd.

Dengan keluasan lantai 10,900 meter persegi, Underwater World Langkawi diuruskan oleh Akuarium Langkawi Sdn Bhd dan mempunyai lebih 5,000 jenis ikan dan hidupan laut yang lain daripada 500 spesies.

Penolong Pengurus Komunikasi Aquarium Langkawi, Pauline Teh berkata hidupan laut seperti "clown fish", "giant groupers", "butterfly fish" dan "trigger fish" serta ikan air tawar seperti arowana, ikan emas dan ikan keli elektrik turut dipamerkan dalam 101 tangki khas.

Beliau berkata antara daya penarik di situ ialah konsep seni bina yang unik dengan tangki berbentuk heksagonal dan laluan berbentuk terowong menerusi tangki pameran.

"Tangki berbentuk heksagonal itu yang berkeupayaan mengisi 80,000 liter air akan menempatkan ikan-ikan yang sukar ditemui seperti "queen angle", "damsels", "clowns", "butterfly" dan banyak lagi ikan yang menarik," kata Teh.

Terowong setinggi 10 meter itu akan membolehkan pengunjung berjalan menerusi tangki air yang mengandungi 600,000 liter air laut yang menempatkan ikan jerung, penyu gergasi, ika pari, belut, kerapu gergasi dan banyak lagi ikan yang patut dilihat.

Satu lagi tarikan taman bertema itu ialah gua buatan manusia lengkap dengan air terjun serta sebuah kolam berisi ikan karp berwarna-warni, beberapa tangki mengandungi taman dasar laut yang terdiri daripada tumbuhan dan rumput laut serta tangki-tangki kecil mengandungi ikan-ikan kecil yang jarang dilihat.

Pengunjung juga berpeluang melihat udang, beberapa jenis ketam dan udang galah.

Teh berkata pengunjung juga berpeluang melawat "coralarium" yang dilengkapi dengan lampu khas bagi menggambarkan keadaan malam dan siang di dasar laut bagi membolehkan mereka melihat corak kelakuan hidupan invertebrata laut yang unik.

Terdapat satu "touch pool" yang memberi peluang kepada pengunjung menyentuh dan memegang pelbagai jenis hidupan yang tidak membahayakan seperti tapak sulaiman, siput laut dan gamat manakala di bahagian ikan beracun, pengunjung akan berpeluang melihat dari dekat beberapa jenis ikan beracun seperti "lion fish", "scorpion fish" dan "stone fish".

Sambil menerokai alam dasar laut di situ, pelancong juga akan dapat mempelajari banyak perkara baru daripada pameran koleksi cengkerang dan perpustakaan fosil yang mengandungi dokumentasi dan bahan pameran yang menarik.

Teh berkata program-program pendidikan dan penyelidikan akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perikanan dan Tabung Amanah Taman Marin Malaysia.

Bagi mereka yang gemar membeli belah, mereka akan berpeluang membeli barangan bermutu tinggi dengan harga yang menarik di Zon Membeli Belah yang diusahakan oleh Sriwani Duty Free Centre (Langkawi) Sdn Bhd yang terletak bersebelahan dengan Underwater World Langkawi.

Menurut Teh arked membeli belah seluas 10,000 meter persegi itu menjual barangan seperti jam tangan, kamera, pakaian berjenama, barang kemas, minyak wangi, barangan elektrik, coklat dan barang-barang popular lain dari seluruh

dunia.

Pengunjung juga berpeluang menjamu selera mereka di restoran yang menyediakan antara lainnya masakan Cina yang terkenal seperti sirip ikan jerung dan sarang burung.

"Para pengunjung juga boleh memilih sama ada untuk menikmati masakan tempatan, barat, Cina atau masakan laut di restoran Eden Seafood Village Theater yang mempunyai 1,500 tempat duduk. Ia turut mengadakan pertunjukan kebudayaan Malaysia pada setiap malam," kata beliau.

Teh berkata sasaran mereka ialah untuk menarik 30 peratus daripada pelancong yang mengunjungi Langkawi yang akan menghabiskan masa satu jam di situ.

Tahun lepas 1.8 juta pelancong melawat Langkawi dan dengan adanya pusat Underwater World Langkawi sebagai "alam dasar laut" pertama di negara ini, bilangan itu dijangka meningkat kepada 2 juta pada tahun ini. -- BERNAMA

ZAA MZ MAI